

**D.R. 29/95**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN  
PEMBANGUNAN BANDAR  
(SYARIKAT PENGGANTI) 1995**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Fasal**

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PELETAKHAKAN HARTA, DSB., PADA SYARIKAT PENGGANTI**

3. Peruntukan peletakhakan.
4. Pemegangan permulaan Kerajaan datam syarikat pengganti.
5. Pelaburan Kerajaan dalam sekuriti syarikat pengganti.
6. Perjalanan fungsi Menteri Kewangan melalui penama.
7. Struktur kewangan syarikat pengganti.

**BAHAGIAN III**

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN KAKITANGAN**

8. Kakitangan.



## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar dalam suatu syarikat, untuk membuat pengatur kewangan bagi syarikat itu, untuk memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"hak" ertinya segala hak, keistimewaan dan kekebalan, sama ada sebenar, kontigen atau prospektif, melainkan hak Perbadanan Pembangunan Bandar di bawah seksyen 18 Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971;

*Akta 46.*

"harta" termasuklah segala harta, sama ada alih atau tak alih, dan segala estet, kepentingan, isemen dan hak, ekuiti atau undang-undang sama ada dalam, pada atau dari satu harta, hak dalam tindakan, wang dan nama baik;

"liabiliti" ertinya liabiliti, hutang, tanggungan, kewajipan dan obligasi daripada tiap-tiap perihalan (sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, sebenar atau kontigen, dan sama ada kena dibayar atau hendak dipatuhi atau dilaksanakan di Malaysia atau di tempat lain);

"Menteri" ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab untuk pembangunan bandar;

*Akta 375.* "Perbadanan" ertinya Menteri Kewangan yang diperbadankan melalui Akta Menteri Kewangan (Perbadanan) 1957;

*Akta 46* "Perbadanan Pembangunan Bandar" ertinya Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971;

*Akta 125.* "syarikat pengganti" ertinya syarikat berhad menurut syer yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan yang dinamakan oleh Menteri dalam perintah di bawah subseksyen 3(1), di mana harta, hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar dipindahkan dan diletakhakkan di bawah seksyen 3;

"tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh yang Akta ini berkuatkuasa;

"tarikh peletakhakkan" ertinya tarikh segala harta, hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar dipindahkan kepada dan terletak dalam syarikat pengganti sebagaimana dinyatakan oleh Menteri dalam perintah di bawah subseksyen 3(1);

"terletak", berhubungan dengan harta, termasuk hak mengenai harta yang masa hadapan atau kontigen dan hak persembaian dan lebihan.

BAHAGIAN II

PELETAKHAKAN HARTA, DSB. PADA SYARIKAT  
PENGGANTI

**3.** (1) Merited boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu, segala harta, hak atau liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar hendaklah menurut kuasa Akta ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti tanpa apa jua pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan.

Peruntukan  
peletak-  
hakan.

(2) Tiap-tiap harta yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti hendaklah terletak hak sedemikian pada syarikat itu dengan hakmilik atau kepentingan serupa dan pemegangan yang sebagaimana ia telah terletak hak atau dipegang sebelum sahaja tarikh peletakhakan.

(3) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti boleh, selepas tarikh peletakhakan, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh syarikat itu atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi syarikat itu atau bagi Perbadanan Pembangunan Bandar memberi notis kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu mengenai peletakhakan yang dilaksanakan melalui subseksyen (1).

(4) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap syarikat pengganti itu atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi syarikat pengganti itu atau bagi Perbadanan Pembangunan Bandar memberikan notis kepada orang yang hak atau liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan di bawah subseksyen (1).

(5) Apa-apa presiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Perbadanan Pembangunan Bandar yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak atau liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak pada syarikat pengganti menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, diteruskan oleh atau terhadap syarikat pengganti.

(6) Dalam hal hak dan liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana pinjaman yang terletak pada syarikat pengganti pada tarikh peletakhakan, syarikat itu boleh membuat apa-apa perkiraan atau perjanjian mengenai hak dan liabiliti sedemikian dengan Kerajaan atau mana-mana pihak ketiga.

(7) Pada dan selepas tarikh peletakhakan, apa-apa perjanjian yang berhubungan dengan mana-mana harta, hak dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak pada syarikat pengganti di bawah subseksyen (1) yang kepadanya Perbadanan Pembangunan Bandar adalah suatu pihak sebelum sahaja tarikh peletakhakan, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak sedemikian sifatnya sehingga hak dan liabiliti di bawahnya boleh diserahkan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar, hendaklah mempunyai kesan seolah-olah syarikat itu telah menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu.

(8) Bagi mengelakkan keraguan, pemindahan kepada dan peletakhakan hak pada syarikat pengganti di bawah subseksyen 3(1) tidaklah boleh termasuk pemindahan dan peletakhakan hak Perbadanan Pembangunan Bandar di bawah seksyen 18 Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971.

*Akta 46.*

Pemegangan permulaan Kerajaan dalam syarikat pengganti.

**4.** (1) Sebagai akibat peletakhakan harta, hak dan liabiliti pada syarikat pengganti di bawah seksyen 3, syarikat pengganti itu hendaklah menerbitkan apa-apa sekuriti syarikat pengganti itu sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri, dari semasa ke semasa, kepada Perbadanan.

(2) Sekuriti yang dikehendaki diterbitkan menurut seksyen ini hendaklah—

(a) diterbitkan atau diuntukkan pada bila-bila masa dan atas apa-apa terma, tentang penguntukan, sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri;

(b) mempunyai nilai nominal sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan; dan

(c) diterbitkan sebagai berbayar penuh dan dikira bagi maksud-maksud Akta Syarikat 1965 seolah-olah ia berbayar menurut kuasa pembayaran nilai nominalnya kepada syarikat pengganti. *Akta 125.*

(3) Menteri Kewangan boleh, selepas berunding dengan Menteri, melupuskan apa-apa sekuriti yang diterbitkan atau apa-apa hak kepada sekuriti yang diuntukkan pada mulanya kepada Perbadanan menurut seksyen ini.

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Perbadanan sebagai hak pada, atas pelupusan atau selainnya berkaitan dengan, apa-apa sekuriti atau hak yang diperolehi menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

5. (1) Menteri Kewangan boleh, selepas berunding dengan Menteri, pada bila-bila masa, memperolehi— *Pelaburan Kerajaan dalam sekuriti syarikat pengganti.*

(a) sekuriti syarikat pengganti atau mana-mana subsidiari syarikat pengganti; atau

(b) hak untuk memohon beli mana-mana sekuriti sedemikian.

(2) Menteri Kewangan boleh, selepas berunding dengan Menteri, melupuskan mana-mana sekuriti atau hak yang diperolehi di bawah seksyen ini.

*Akta 61.*

(3) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Perbadanan berikutan dengan peruntukan seksyen ini hendaklah dikira sebagai pelaburan dan dibenarkan di bawah subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Prosedur Kewangan 1957.

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Perbadanan sebagai hak, atas pelupusan atau selainnya berkaitan dengan, apa-apa sekuriti atau hak yang diperolehi di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(5) Duti setem tidaklah boleh dikenakan berkenaan dengan apa-apa pertambahan modal syarikat pengganti yang—

- (a) dilaksanakan dengan penerbitan syer yang diuntukkan pada masa syarikat pengganti dipunyai pada keseluruhannya oleh Kerajaan; dan
- (b) diperakui oleh Perbendaharaan sebagai telah dilaksanakan dengan penerbitan syer yang dimohon beli oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan (1)(a).

Perjalanan  
fungsi Menteri  
Kewangan  
melalui  
penama

**6.** (1) Menteri Kewangan boleh, selepas berunding dengan Menteri, melantik mana-mana orang yang difikirkannya layak untuk bertindak sebagai penamanya bagi maksud-maksud seksyen 4 atau 5 dan—

- (a) sekuriti syarikat pengganti boleh diserahkan di bawah penama Menteri Kewangan yang dilantik bagi maksud-maksud seksyen itu atau kepada mana-mana orang yang berhak menghendaki penerbitan sekuriti itu berikutan dengan pengumuman permulaannya kepada mana-mana penama itu; dan

(b) mana-mana penama itu yang dilantik bagi maksud seksyen 5 boleh memperoleh sekuriti atau hak mengikut seksyen itu.

(2) Mana-mana orang yang memegang mana-mana sekuriti atau hak sebagai penama Menteri Kewangan menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah memegang dan menguruskannya atas apa-apa terma dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan.

7. (1) Jika Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri, mengarahkan sedemikian, pada bila-bila masa sebelum syarikat pengganti terhenti daripada dipunyai pada keseluruhannya oleh Kerajaan, apa-apa jumlah wang sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu tetapi tidak melebihi hasil keuntungan terkumpul Perbadanan Pembangunan Bandar, hendaklah dibawa oleh syarikat itu kepada suatu rizab, yang dalam seksyen ini disebut "rizab statutori".

Struktur  
kewangan  
syarikat  
pengganti.

(2) Rizab statutori itu hanya boleh digunakan oleh syarikat pengganti untuk membayar syer tak terbit syarikat itu yang hendak diuntukkan kepada anggota-anggota syarikat itu sebagai syer bonus berbayar penuh.

(3) Bagi maksud-maksud mana-mana akaun statutori syarikat pengganti, nilai mana-mana aset atau hak atau amaun mana-mana liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar, yang dikira sebagai telah terletak dalam syarikat pengganti itu menurut kuasa seksyen 3 hendaklah dikira sebagai nilai atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, amaun yang diberikan kepada aset, hak atau liabiliti itu dalam penyata akaun yang disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar, berkenaan dengan tahun perakaunan genap terakhir Perbadanan Pembangunan Bandar, yang berakhir sebelum tarikh peletakhakan.

(4) Bagi maksud-maksud mana-mana akaun statutori syarikat pengganti, amaun yang hendak dimasukkan berkenaan dengan mana-mana butiran hendaklah ditentukan seolah-olah apa-apa jua yang dilakukan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar, sama ada secara memperoleh, menilai semula atau melupuskan mana-mana aset atau menanggung, menilai semula atau melepaskan mana-mana liabiliti, atau dengan membawa apa-apa amaun kepada mana-mana peruntukan rizab, atau selainnya, telah dilakukan oleh syarikat pengganti.

(5) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan subseksyen (4), amaun yang hendak dimasukkan dari semasa ke semasa dalam mana-mana rizab syarikat pengganti sebagai merupakan hasil keuntungan terkumpul hendaklah ditentukan seolah-olah apa-apa keuntungan yang dihasilkan dan disimpan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar, telah dihasilkan dan disimpan oleh syarikat pengganti.

(6) Sebutan dalam seksyen ini mengenai akaun statutori syarikat pengganti adalah sebutan mengenai apa-apa akaun yang disediakan oleh syarikat pengganti bagi maksud-maksud mana-mana peruntukan Akta Syarikat 1965.

*Akta 125.*

(7) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "tahun perakaunan genap" ertinya sesuatu tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Disember atau suatu tempoh yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN KAKITANGAN

*Kakitangan.*

**8.** (1) Syarikat pengganti hendaklah menerima sebagai pekerjaanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* tiap-tiap orang yang sebelum sahaja tarikh itu ialah anggota kakitangan Perbadanan Pembangunan Bandar dan yang telah diberikan pilihan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar dan telah membuat pilihan untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti itu.

PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR 11  
(SYARIKAT PENGGANTI)

(2) Tiap-tiap orang sedemikian yang telah membuat pilihan di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti hendaklah diambil kerja oleh syarikat pengganti itu atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan.

---

HURAIAN

1. Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar kepada suatu syarikat pengganti, untuk membuat peraturan kewangan bagi syarikat itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan.

2. *Fasal 1* bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa.

3. *Fasal 2* memberi tafsiran perkataan tertentu dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa pada tarikh peletakhakan yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, segala harta, hak, liabiliti serta presiding perundangan Perbadanan Pembangunan Bandar yang dinyatakan dalam perintah itu, hendaklah berpindah kepada, diteruskan dan terletak hak pada syarikat pengganti seolah-olah ia adalah harta, hak dan liabiliti syarikat pengganti.

*Subfasal 3(8)* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa pemindahan dan peletakhakan hak kepada syarikat pengganti tidaklah termasuk Perbadanan Pembangunan Bandar di bawah seksyen 18 Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk membuat peruntukan bagi sekuriti syarikat pengganti yang diterbitkan atau yang diperuntukkan kepada Perbadanan oleh Menteri Kewangan dari semasa ke semasa setelah dirujuk kepada Menteri.

*Subfasal 4(2)* memperuntukkan supaya sekuriti yang diterbitkan hendaklah pada nilai nominal yang ditentukan oleh Menteri Kewangan dan diterbitkan sebagai bayaran sepenuhnya dan dianggap telah dibayar dengan pembayaran nilai nominal kepada syarikat pengganti.

*Subfasal 4(3)* memberi kuasa kepada Menteri Kewangan selepas berunding dengan Menteri untuk melupuskan sekuriti yang telah diterbitkan atau apa-apa hak di bawahnya kepada Perbadanan.

*Subfasal 4(4)* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa dividen yang diterima oleh Perbadanan melalui sekuriti dan hak sekuriti yang diperolehi melaluinya akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

6. *Subfasal 5(1)* dan *(2)* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Perbadanan setelah berunding dengan Menteri pada bila-bila masa untuk memperolehi sekuriti syarikat pengganti atau anak syarikatnya atau berhak untuk memohon beli sekuriti berkenaan dan juga melupuskan mana-mana sekuriti yang diperolehi.

*Subfasal 5(3)* bertujuan membuat peruntukan bahawa perbelanjaan yang ditanggung oleh Perbadanan bagi tujuan fasal ini hendaklah dianggap sebagai pelaburan yang dibenarkan oleh subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Prosedur Kewangan 1957.

*Subfasal 5(4)* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa dividen atau apa-apa bayaran yang diterima oleh Perbadanan diperolehi daripada pelupusan sekuriti akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

*Subfasal 5(5)* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa duti setem tidak dikenakan ke atas apa-apa pertambahan modal syarikat pengganti sekiranya syarikat pengganti masih dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan dan pengesahan diberi oleh Perbendaharaan bahawa syer syarikat pengganti dipegang sepenuhnya oleh Menteri Kewangan.

7. *Fasal 6* memperuntukkan bahawa Menteri Kewangan setelah berunding dengan Menteri boleh melantik penama untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud *fasal 4* dan *5*.

8. *Subfasal 7(1)* dan *(2)* memperuntukkan bahawa sekiranya syarikat pengganti tidak lagi dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan, Menteri Kewangan setelah berunding dengan Menteri, mengarahkan sedemikian, sejumlah wang yang tidak melebihi keuntungan terkumpul Perbadanan hendaklah dimasukkan ke dalam rizab berkanun bagi maksud-maksud pembayaran penuh syer bonus.

*Fasal 7(3)* dan *(4)* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa akaun berkanun bagi syarikat pengganti hendaklah berdasarkan kepada penyata akaun Perbadanan Pembangunan Bandar bagi tahun berakhir sebelum tarikh peletakhakan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan akan diterimapakai oleh syarikat pengganti.

*Subfasal 7(6)* memperuntukkan bahawa akaun berkanun syarikat pengganti di seksyen ini ialah apa-apa akaun yang disediakan oleh syarikat pengganti bagi maksud mana-mana peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965,

*Subfasal 7(7)* memperuntukkan bahawa suatu "akaun tahunan berakhir" bererti akaun tahunan yang berakhir pada 31 Disember atau bagi tempoh yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

9. *Fasal 8* membuat peruntukan berkaitan perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan Perbadanan Pembangunan Bandar. Tiap-tiap kakitangan itu yang telah diberi pilihan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar dan yang memilih untuk berkhidmat sebagai kakitangan di dalam syarikat pengganti hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak boleh kurang baiknya daripada yang dia berhak sebelum tarikh kuatkuasa.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1890. ]